

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 MAC 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/03/928876/program-basmi-kemiskinan-seluruh-negara-bakal-diperkemaskan>

### Program basmi kemiskinan seluruh negara bakal diperkemaskan



Eddin Syazlee (duduk, tengah) dan Ahmad Tarmizi (duduk, dua dari kanan) pada Program 'Back To School' Uthmaniah Properties Development Sdn Bhd, hari ini. - NSTP/RUWAIDA MD ZAIN

SHAH ALAM: Program pembasmian kemiskinan di seluruh negara, akan diperkemaskan selepas satu Nota Jemaah Menteri dibentangkan pada mesyuarat Kabinet, dalam masa terdekat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Eddin Syazlee Shith, berkata program bawah Unit Perancang Ekonomi (EPU) itu bertepatan dengan titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, semalam, berhubung usaha membasi kemiskinan tegar menjelang 2025.

"Saya difahamkan, satu Nota Jemaah Menteri akan dikemukakan pada mesyuarat Kabinet dalam tempoh terdekat.

"Saya percaya, selepas pembentangan Nota Jemaah Menteri serta titah Yang di-Pertuan Agong, agenda itu akan lebih diperkemaskan dan menjadi keutamaan.

"Kita tunggu pengumuman yang akan dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, dan bagaimana proses pelancaran akan dibuat dalam tempoh terdekat.

"Saya percaya, proses (fasa) pertama untuk program membasmi kemiskinan itu akan dilaksanakan dalam bulan ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Program 'Back To School' Uthmaniah Properties Development Sdn Bhd (UPDSB) di Pangsapuri PPR Hicom, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Penggerusi UPDSB, Datuk Ahmad Tarmizi Mohamad.

Ketika merasmikan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen Ke-14, semalam, Al-Sultan Abdullah bertitah, kerajaan perlu memberi tumpuan kepada usaha membasmi kemiskinan tegar menjelang 2025 melalui tindakan bersepadu dengan pelbagai pendekatan.

Mengulas lanjut, Eddin Syazlee berkata, EPU sudah mengenal pasti 80 lokaliti bagi tujuan eksperimen, untuk mengkaji keberkesanan program pembasian kemiskinan yang dijalankan.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan bahawa selain 80 lokaliti terpilih itu, program sedia ada bagi kelompok dan keluarga miskin lain di seluruh negara, akan diteruskan.

"Kemiskinan tegar adalah isi rumah berpendapatan RM1,199 dan ke bawah sebulan, berdasarkan kos pembelian makanan asas, bagi isi rumah dengan empat ahli keluarga," katanya.

Dalam perkembangan lain, Eddin Syazlee berkata, konflik antara Russia dengan Ukraine ketika ini sedikit sebanyak turut memberi kesan terhadap ekonomi negara berikutan kedua-dua negara itu menjalankan perdagangan dua hala dengan Malaysia.

Beliau berkata, ia menimbulkan kebimbangan kerana jumlah perdagangan antara Malaysia dengan dua negara terbabit bukan dalam nilai kecil, namun tidak diketahui sejauh mana kesannya.

Sementara itu, Ahmad Tarmizi berkata, UPDSB memperuntukkan RM50,000 sebagai bantuan segera kepada 150 pelajar daripada keluarga B40 bagi persediaan kelengkapan sekolah, melalui program hari ini.